SOALAN NO : 307

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA [PARIT]

SOALAN :

Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA menyatakan :-**

(a) berapakah jumlah terkini pekebun kecil yang telah memperolehi Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO); dan

(b) apakah perancangan pihak Kementerian kepada para pekebun kecil yang masih belum memperolehi sijil tersebut.

SOALAN NO : 307

JAWAPAN (a):

Sehingga Februari 2019, seramai 66,771 pekebun kecil telah memperoleh pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang melibatkan keluasan 256,596.46 hektar.

JAWAPAN (b):

Kementerian akan memastikan para pekebun kecil dibantu untuk mematuhi dan mendapat pensijilan MSPO. Kementerian melalui agensi seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) sedang menyediakan latihan secara percuma kepada mereka bagi memahami dan mematuhi keperluan piawai pensijilan. Selain itu, pegawai TUNAS MPOB juga bersedia memberi khidmat nasihat teknikal mengenai Amalan Pertanian Baik (GAP) kepada para pekebun kecil.

Melalui Belanjawan 2019, Kementerian telah diperuntukkan sejumlah RM30 juta dana pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) bagi membantu pekebun kecil mendapatkan pensijilan MSPO. Dana ini merangkumi kos yuran pensijilan, pembelian peralatan perlindungan diri (PPE) dan pembinaan rak bahan kimia. Selain itu, Kerajaan juga turut menanggung kos latihan dan taklimat yang diberikan kepada pekebun kecil sawit di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.